

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

PENGAJIAN ISLAM

TAHAP PRA ASAS



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

PENGAJIAN ISLAM

TAHAP PRA ASAS



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

Cetakan Pertama, 2021
©Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2021

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindah kepada bentuk lain sama ada dalam bentuk termasuk elektronik, mekanikal, gambar, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat izin daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

ISBN 978-967-25609-0-6

Dr Muhammad Yusuf Marlon Abdullah,
Ustaz Ahmad A'toa' Bin Mokhtar

1. Pengajian Untuk Mualaf
2. Pengajian Islam Tahap Pra-Asas- Religious Aspects-Islam
I.Judul

Penerbit

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
Ibu Pejabat PERKIM Kebangsaan
Tingkat 4 & 6, Bangunan PERKIM
150, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)
51200 Kuala Lumpur

Laman sesawang: www.perkim.net.my
Tel: 03-40412482/ 03-40426224
Faks: 03-40427403
Website: <https://perkim.net.my>
Emel: info@perkim.net.my

Pencetak

Sarjana Media Sdn. Bhd.
No.38, Jalan Usahawan 7 Off Jalan Kilang
Taman Sri Rampai,Wilayah Persekutuan
53300 Kuala Lumpur
Tel 03 4141742

EDITORIAL

Penasihat

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

Ketua Editor

Tuan Haji Mamat Che Chik

Penolong Ketua Editor

Dr. Suariza@Hidayah Muhammad

Editor

Encik Muhammad Farhan Tee Abdullah

Encik Muhammad Jais Mariappan Abdullah

Puan Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan

Puan Nur Syahirah Musa

Encik Abdul Qawi Navine Abdullah

Encik Mohd Yusoff Ahmad

Encik Ghazali Ismail

Encik Mohamad Nizam Abd Razak

Cik Zaatil Hidaayah Ahmad Bustaman

Puan Wan Zubaidah Wan Yusoff

Puan Rukiah Sungip

Encik Zafri Ismaiskandar Abdul Ghani

Haji Khalid Mohd Noor

Encik Syed Azman Syed Ariffin

Puan Siti Nasryrah Rosli

Encik Muhammad Faiz Md Yusoff

Haji Mohd Subri Jaafar

Puan Rosnaliza Ahmadiah

Puan Aishah Abdul Wahab

Encik Mohd Jogi Panjaitan Maruli

Dr. Mohd Faisal Mohamed

Encik Abdul Ghani Abdullah

Encik Ali Abdullah @ Lee Kin Hong

Puan Nur Habeebah Muniandi

Sidang Editorial

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail

Prof Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani

Prof Madya Dr. Mariam Abd. Majid

Dr. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Dr. Nor Raudah Hj. Siren

Dr. Muhammad Ayman al-Akiti

Dr. Aisyah Jami'an, S.Ag

Dr Azri Bhari

Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

Dr. Amiratul Munirah Yahaya

Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao

Encik Ahmad A'toa' Mokhtar

Encik Faezy Adenan

Encik Kamarulzaman Kawi

Urusetia

Encik Firdaus Lokman Tah

Encik Ahmad Hasaidi Said

Encik Muhammad Hizam Abdul Rahim

Cik Nur Shazleen R. Samsul Bahari

Cik Umi Musfirah Abdul Ghani

PENDAHULUAN

Buku pengajian Islam Tahap Pra-Asas ini digunakan untuk membimbing mualaf yang baharu hendak mengenali Islam atau orang bukan Islam yang berminat untuk memahami tentang Islam.

Pengajian Pra-Asas merupakan aspek yang penting sebagai menjawab tuntutan bahawa awal memeluk Islam itu ialah mengenalinya terlebih dahulu, setelah itu lahirnya keinginan untuk mencintai dan mengamalkannya.

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1- MANUSIA DAN AGAMA

1. MANUSIA DAN AGAMA	1
1.1 Bukti Kewujudan Pencipta	1
1.2 Tujuan Manusia Dijadikan	4
1.3 Kepentingan Agama Bagi Manusia	7
1.4 Tujuan Rasul Diutuskan	8

BAHAGIAN 2 – DUA KALIMAH SYAHADAH

2. DUA KALIMAH SYAHADAH	10
2.1 Makna Kalimah Laa Ilaha Illallah	10
2.2 Syarat-syarat Kesempurnaan Kalimah Tauhid	12
2.3 Makna Syahadah <i>Anna Muhammadar Rasulullah</i>	13
2.4 Kelebihan Dua Kalimah Syahadah	14

BAHAGIAN 3 – HADIS IMAN, ISLAM, DAN IHSAN

3. HADIS IMAN, ISLAM, DAN IHSAN.....	16
--------------------------------------	----

BAHAGIAN 4 – BERSUCI

4. BERSUCI	22
Kepentingan Bersuci.....	22

BAHAGIAN 5 – AIR DAN JENIS-JENISNYA

5. AIR DAN JENIS-JENISNYA	25
5.1 Air Mutlak	25
5.2 Air Mustakmal.....	26
5.3 Air Mutanajjis	26
5.4 Air Musyammas.....	26

BAHAGIAN 6 – NAJIS DAN JENIS-JENISNYA

6.	NAJIS DAN JENIS-JENISNYA	28
6.1	Najis Ringan (Mukhaffafah).....	28
6.2	Najis Pertengahan (Mutawassitah)	28
6.3	Najis Berat (Mughallazah).....	29

BAHAGIAN 7 – HADAS

7.	HADAS.....	30
7.1	Sebab-sebab Hadas Besar	30
7.2	Sebab-sebab Hadas Kecil.....	31

BAHAGIAN 8 – SOLAT

8.	SOLAT	32
8.1	Hikmah Solat.....	33
8.2	Syarat- syarat Sah Solat	33
8.3	Rukun Solat.....	34
8.4	Perkara yang Membatalkan Solat	34

BAHAGIAN 1

MANUSIA DAN AGAMA

1. MANUSIA DAN AGAMA

1.1 Bukti Kewujudan Pencipta

Untuk mewujudkan keyakinan tentang kebenaran wujudnya Pencipta maka kita boleh fikirkan tiga kaedah.

Pertama, memerhati dengan menggunakan pancaindera terhadap kejadian-kejadian dan perkara-perkara yang wujud di bumi ini.

Kedua, kaedah berfikir dapat menguatkan lagi tentang kewujudan Pencipta. Contohnya, bagaimana semua makhluk sama ada yang ada di lautan, darat dan udara boleh wujud serta hidup dengan keadaan masing-masing.

Ketiga, mengkaji kewujudan Allah SWT berdasarkan apa yang disampaikan kepada manusia melalui al-Quran dan hadis. Kajian itu hendaklah dibuktikan melalui kaedah-kaedah ilmiah tertentu melalui penemuan sejarah, sains dan arkeologi. Antara contoh kisah-kisah yang disebut di dalam al-Quran ialah kisah kejadian Nabi Adam AS, bagaimana ia diciptakan dalam al-Quran. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلِئَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً
 قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ أُلُّتِيمَاءَ
 وَنَحْنُ نُسَيْحُ بِحَمْدِكَ وَنُنَقِّدُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا

٣٩
تَعَمُّونَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya" (30)

Dua jenis air (air tawar dan air laut) tidak akan bersatu sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah ar-Rahman (55) ayat 19-20:

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ١٩ بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ

٢٠

Maksudnya : *la biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu.(19) Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.(20)*

Proses kejadian manusia bermula daripada tanah sehingga terbentuknya makhluk yang bernama manusia, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Hajj (22) ayat 5:

يَأَيُّهَا الْتَّائُسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا
خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ
مِنْ مُضْغَةٍ مُخْلَقَةٍ وَغَيْرِ مُخْلَقَةٍ لِتَبَيَّنَ لَكُمْ وَنُقْرُ فِي
الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمٍّ ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفَالًا
ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُنَوَّفَ وَمِنْكُمْ مَنْ
بُرُدُّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمِ
شَيْءًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ
أَهْبَرَتْ وَرَبَتْ وَأَبْتَثَتْ مِنْ كُلِّ رَوْجٍ بَهِيجٌ



Maksudnya: Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan

hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.(5)

Dengan menilai bukti-bukti ini apakah manusia masih ragu tentang kewujudan Pencipta yang mengawal alam ini. Kerana Pencipta inilah yang mengarahkan alam semesta mengikut kehendak-Nya dan matlamat yang ditentukannya. Sesungguhnya, akal manusia ini sifatnya terbatas kerana akal tidak boleh menerangkan secara terperinci perkara-perkara yang tidak nampak khususnya berkaitan kedudukan roh manusia, syurga dan neraka begitu juga dengan kehidupan selepas kematian.

1.2 Tujuan Manusia Dijadikan

Pembahasan berkaitan manusia bererti pembicaraan tentang asal kejadian manusia, proses kejadian, tujuan kewujudan, kematian dan kehidupan selepas kematian, potensi dan keistimewaan yang dimilikinya merupakan pembahasan yang mungkin dapat merungkai tentang hakikat manusia dan fungsinya dalam kehidupan ini.

Manusia adalah makhluk yang berbeza daripada yang lain. Memang kalau kita hanya sekadar memandang sistem pernafasan, peredaran darah, bagaimana ia makan dan

mengolah makanan tersebut lalu membuang sisanya maka boleh disamakan dengan haiwan.

Namun jika perbahasan lebih daripada itu maka akan timbul satu persoalan apakah tujuan manusia dijadikan? Al-Quran jelas menjawab persoalan ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً
قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الْلِّمَاءَ
وَنَحْنُ نُسَيْحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا

٣٦ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya"(30)*

Ayat ini menyatakan bahawa manusia dijadikan untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Iaitu diberikan amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai mandat daripada Pencipta. Ini bersesuaian seperti yang disebut di dalam al-Quran, firman Allah SWT dalam Surah Yunus (10) ayat 14:

لَمْ يَجْعَلْنَاكُمْ خَلِيفَ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِتَنْتَظَرَ

كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Kemudian Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan.(14)

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia sebagai makhluk pengganti, yang akan mentadbir dan menguruskan bumi ini mengikut peranan masing-masing bersesuaian dengan ilmu yang ada padanya.

Kejadian manusia sangat istimewa kerana diberikan akal yang boleh berfikir dan dapat membezakan antara baik dengan buruk. Allah SWT tidak menciptakan manusia untuk bersenang-senang sebagaimana haiwan, tidak ciptakannya hanya untuk hidup bertahun-tahun kemudian ditelan masa dan bumi begitu sahaja. Hancur binasa di dalam tanah bila mati dan tanpa dibangkit dan dihisab di hari akhirat.

Sesungguhnya salah satu tujuan manusia diciptakan adalah untuk mengenal Allah SWT dan menyembah-Nya selain dijadikan sebagai khalifah-Nya di bumi. Manusia diciptakan bukan untuk dirinya sendiri akan tetapi untuk menyembah Penciptanya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Dzariyat (51) ayat 57-58 :

مَا أَرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أَرِيدُ أَنْ يُطْعَمُوْنَ إِنَّ

اللَّهُ هُوَ الْأَرَزَاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمُتَّبِعُ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: *Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu.(57) Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.(58)*

Ayat ini menjelaskan bahawa tujuan diciptakannya manusia adalah untuk beribadah kepada Sang Pencipta Allah SWT. Ibadah dalam erti kata amalkan segala apa yang disuruh dan tinggalkan segala apa yang dilarang.

1.3 Kepentingan Agama Bagi Manusia

Agama dalam kehidupan individu berfungsi sebagai suatu sistem nilai yang membentuk seseorang mengikut acuan agamanya seperti sikap, tingkahlaku dan keyakinan mengikut ajaran anutannya. Nilai agama memiliki erti yang khusus dalam kehidupan seseorang kerana ia akan bertindak dan beramal dalam kehidupannya mengikut peraturan dalam agama yang dipegangi.

Agama yang dianuti oleh seseorang akan menjadi cermin kepada gaya hidupnya sehingga orang sekeliling akan terkesan atau terpengaruh dengannya.

Agama tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat kerana agama itu sendiri sangat diperlukan dan bertujuan untuk membentuk masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik kerana setiap pengikut akan terikat dengan peraturan agama masing-masing.

Bahkan agama juga berfungsi sebagai penyelamat kerana setiap individu yang menganut agama menginginkan

keselamatan dirinya dalam dunia ini sehingga ke kehidupan seterusnya.

Agama juga bersifat mendamaikan bagi seseorang yang mencapai kedamaian melalui tuntutan agamanya. Perasaan bersalah akan hilang dalam diri seseorang apabila dia merasa sudah membuat penebusan dosa mengikut peraturan agama yang dianutti.

Seterusnya, agama dapat mengubah kehidupan keperibadian seseorang sesuai dengan ajaran agama yang diamalkan. Corak kehidupan yang diamalkan berdasarkan ajaran agama yang dianutti. Kadangkala anutan itu mampu mengetepikan keinginan diri demi mentaati perintah atau peraturan yang terkandung dalam kitab yang dijadikan panduan dalam kehidupannya.

1.4 Tujuan Rasul Diutuskan

Sesungguhnya Rasul diutuskan oleh Allah SWT untuk menyampaikan risalah dan ditugaskan untuk membimbing manusia ke jalan kehidupan sebenar selari dengan kehendak Allah SWT. Beriman dan percaya kepadapadanya adalah salah satu rukun iman yang wajib dipercayai. Percaya kepada Rasul bererti seseorang itu mesti yakin tanpa ragu-ragu bahawa Rasul adalah lantikan daripada Allah SWT untuk membawa wahyu dan mengajarkan manusia bagaimana hidup berlandaskan wahyu tersebut. Semua Rasul yang diutuskan membawa agama yang sama iaitu Islam kerana mereka semua adalah bersaudara tanpa membeza-bezakan antara satu sama lain.

Sesungguhnya tugas kerasulan itu merupakan anugerah Allah SWT dan diberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki dan dipilih oleh Allah SWT. Antara bukti seseorang itu dipilih menjadi Rasul adalah mesti memiliki mukjizat (perkara luar biasa yang dimiliki oleh utusan tersebut seperti menerima wahyu, iaitu sesuatu kejadian yang manusia biasa tidak boleh lakukan), pemberitahuan tentang

Rasul-rasul terdahulu, akhlak dan tingkah laku mereka yang bersesuaian dengan risalah yang dibawa oleh mereka.

Tujuan seorang Rasul diutuskan adalah untuk mengajar manusia siapa Pencipta, membawa risalah dan mengajak manusia supaya berpegang kepada jalan sebenar iaitu Islam, memberikan gambaran tentang kehidupan di hari kiamat, bagaimana dunia ini musnah, memberitahu tentang tanda-tanda kiamat, mengajarkan manusia tentang keadaan syurga dan neraka, bagaimana cara mudah masuk syurga dan menghindarkan diri daripada siksaan api neraka.

Secara ringkasnya, seorang Rasul diutuskan oleh Allah SWT untuk menyelamatkan manusia daripada dibakar di dalam api neraka.

BAHAGIAN 2

DUA KALIMAH SYAHADAH

2. DUA KALIMAH SYAHADAH

Objektif mengucap dua kalimah syahadah membolehkan para pelajar membina kekuatan dan keyakinan sebagai seorang Muslim dengan memahami maksud dua kalimah syahadah.

Agama yang dimaksudkan ialah merujuk kepada Islam yang diasaskan dalam dua kalimah syahadah. Dua kalimah ini merupakan pintu masuk ke dalam Islam dan kedua-dua kalimah tersebut merupakan rukun Islam yang pertama. Seseorang itu dikira sebagai kafir selagi ia tidak mengucapkan dua kalimah syahadah serta beramal dengan isi kandungannya. Dua kalimah ini juga merupakan kunci kepada pintu syurga dan sesiapa yang mengucap dua kalimah syahadah di akhir perkataannya sebelum nafas terakhir maka wajib syurga baginya dan diharamkan ke atasnya api neraka.

2.1 Makna Kalimah Laa Ilaha Illallah

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ

laitu mengucapkan serta mengetahui maknanya dan beramal dengan segala isi kandungan yang terkandung di dalam ayat tersebut.

Makna (*La ilaha illallah*) ialah: Tidak ada tuhan yang berhak disembah kecuali Allah SWT Yang Maha Esa. Kalimah syahadah ini mempunyai dua rukun iaitu; menafikan semua

ketuhanan yang lain selain daripada Allah SWT dan meyakini bahwa ketuhanan bagi Allah SWT yang Esa tidak ada sekutu baginya.

Adapun mengucap dua kalimah syahadah dengan tidak mengetahui maknanya, juga tidak beramat dengan segala isi kandungan yang terdapat di dalamnya tidak memberi manfaat menurut ulamak, bahkan ianya menjadi hujjah ke atas orang yang mengucapkannya.

Syahadah ini juga mengandungi makna menolak bahawa ada benda yang disembah selain daripada Allah SWT yang terdiri daripada manusia, batu, pokok, hawa nafsu dan sebagainya. Sesiapa yang mengucapkannya tetapi tidak menolak semua perkara yang disembah selain daripada Allah SWT maka dia tidak memenuhi kehendak kalimah ini. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 163:

وَاللَّهُمَّ إِلَهُ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

١٦٣

Maksudnya: *Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia yang sangat memberi rahmat dan kasihan belas. (163)*

Firman Allah SWT lagi di dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ فَمَنْ يَكُفُرُ بِالظُّلْفُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ
الْوُثْقَى لَا أُنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

٢٥٦

Maksudnya: Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama Islam, sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Sesiapa yang mengingkari thaghut (syaitan dan apa saja yang disembah selain daripada Allah) dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan tali (iman) yang amat kuat dan tidak akan putus dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (256)

Makna ‘al-llah’ ialah Tuhan yang disembah dengan sebenarnya. Sesiapa yang mengesakan Allah SWT dalam beribadat maka sesungguhnya ucapan “*La ilaha illallah*” yang diucapkannya akan memberi manfaat kepadanya di dunia dan seterusnya dapat melepaskannya daripada seksaan yang kekal abadi di akhirat.

2.2 Syarat-syarat Kesempurnaan Kalimah Tauhid

- 1) Mengetahui maknanya iaitu ilmu yang menafikan semua ibadat kepada selain daripada Allah SWT dan hanya ibadat kepada Allah SWT. Tidak ada sekutu baginya dan tidak ada yang berhak untuk disembah selain daripada-Nya.
- 2) Yakin dengan menolak semua bentuk keraguan (terhadap Allah SWT), iaitu mengucapkannya dengan penuh keyakinan, tenang hatinya dengan apa yang diucapkan serta yakin terhadap semua perkara yang terkandung di dalamnya dengan keyakinan yang penuh.
- 3) Menerima sepenuhnya dan menafikan semua perkara yang bercanggah dengannya. Iaitu dengan menerima semua perkara yang berhubung dengan kalimah ini dan apa yang diucapkannya, maka hendaklah dia membenarkan semua perkara yang disampaikan melalui

al-Quran dan hadis, mentaati semua suruhan dan menjauhi semua larangan.

- 4) Menolak perbuatan syirik. Iaitu seorang hamba membersihkan amalannya daripada sebarang bentuk syirik dengan niat yang baik. Firman Allah SWT dalam Surah al-Bayyinah (98) ayat 5:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الَّتِينَ
حُنَفَاءٌ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الْزَكُوَةَ وَذَلِكَ دِينٌ

الْقَيْمَةِ

Maksudnya: Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya. (5)

2.3 Makna Syahadah *Anna Muhammadar Rasulullah*

- 1) Makna syahadah *Anna Muhammadar Rasulullah* (Nabi Muhammad utusan Allah SWT) ialah mematuhi segala perkara yang disuruh olehnya dan membenarkan apa yang disampaikan serta menjauhi segala perkara yang dilarang dengan tidak melakukan ibadat kepada Allah SWT melainkan menurut ajaran yang telah disyariatkan oleh-Nya.
- 2) Terlaksananya syahadah *Anna Muhammadar Rasulullah* dengan keimanan dan keyakinan yang sempurna bahawa Nabi Muhammad SAW adalah hamba Allah SWT dan utusan-Nya, yang diutuskan kepada golongan jin dan manusia. Baginda adalah penutup segala nabi dan Rasul. Baginda juga merupakan seorang hamba yang hampir di sisi Allah SWT namun Baginda tidak memiliki ciri-ciri ketuhanan.

Syahadah ini juga terlaksana dengan mengikuti ajarannya dan menjauhi larangannya.

2.4 Kelebihan Dua Kalimah Syahadah

Kalimah Tauhid mempunyai kelebihan yang sangat besar sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah, antaranya:

- 1) Kalimah Tauhid adalah Rukun Islam yang pertama, asal agama dan asasnya, merupakan perkara awal yang membawa seseorang hamba ke dalam Islam dan dengannya tertegak langit dan bumi.
- 2) Kalimah Tauhid menjadi sebab terpeliharanya darah dan harta seseorang hamba, sesiapa yang mengucapkannya akan menyebabkan darah dan hartanya terpelihara.
- 3) Kalimah Tauhid merupakan amalan yang paling afdhal secara mutlak, amalan yang sangat besar menjadi penghapus dosa, sebab yang membawa seseorang ke syurga dan melepaskannya daripada api neraka. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (3435), daripada 'Ubudah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَأَنَّ عِيسَى عَبْدُ اللَّهِ
وَرَسُولُهُ وَكَلِمَتُهُ أَلْقَاهَا إِلَيَّ مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ وَالْجَنَّةُ
حَقٌّ وَالنَّارُ حَقٌّ أَذْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ عَلَىٰ مَا
كَانَ مِنِ الْعَمَلِ

Maksudnya: “Barangsiaapa yang bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang berhak

disembah selain Allah semata-mata, tidak ada sekutu bagi-Nya, dan bahwasanya Muhammad itu adalah hamba dan utusan-Nya, dan bahwasanya ‘Isa adalah hamba dan utusan-Nya dan kalimat-Nya yang Dia sampaikan kepada Maryam dan ruh dari-Nya, dan (dia juga bersaksi) bahawa syurga itu benar adanya dan neraka itu benar adanya, maka Allah akan memasukkan dirinya ke dalam surga berapa pun amal yang telah diperbuatnya.”

- 4) Telah terkumpul di dalam Kalimah Tauhid; zikir, doa dan puji, merangkumi doa ibadah dan doa permintaan, merupakan zikir yang paling banyak dan paling senang didapatinya, ia juga dikenali dengan nama *al-Kalimah at-Toyibah* (ucapan yang baik), simpulan (pegangan) yang sangat teguh, *Kalimah al-Ikhlas*, dengannya tertegak langit dan bumi, kerananya dijadikan makhluk, diutuskan para Rasul, diturunkan kitab-kitab, untuk melengkapinya disyariatkan amalan fardhu dan sunat, sesiapa yang mengucapkannya, beramal dengannya secara benar, ikhlas, penuh penerimaan dan cintakannya akan dimasukkan ke dalam syurga menurut kadar amalannya.

BAHAGIAN 3

HADIS IMAN, ISLAM, DAN IHSAN

3. HADIS IMAN, ISLAM, DAN IHSAN

Hadis di bawah adalah membincangkan tentang iman iaitu akidah, Islam iaitu syarak, dan ihsan iaitu akhlak. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (8) dan Imam Ahmad (1/27,28,51,52), daripada Umar RA, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ تَيَاضٍ
الشَّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثْرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرَفُهُ
مِنَّا أَحَدٌ حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْنَدَ
رُكْبَتِيهِ إِلَى رُكْبَتِيهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخِدَيْهِ وَقَالَ يَا مُحَمَّدُ
أَخْبِرْنِي عَنِ الإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
إِلِّيْسَلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ
رَمَضَانَ وَتَحْجُجَ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ صَدَقْتَ
قَالَ فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّفُهُ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ
أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ
بِالْقَدَرِ حَيْرِهِ وَشَرِّهِ قَالَ صَدَقْتَ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ

قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا نَكُونُ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ قَالَ
 فَأَخْبِرْنِي عَنْ السَّاعَةِ قَالَ مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنْ السَّائِلِ
 قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا قَالَ أَنْ تَلِدُ الْأُمَّةَ رَبَّتِهَا وَأَنْ تَرَى
 الْخُفَاءَ الْعَرَاءَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبَنِيَّاَنِ قَالَ ثُمَّ
 انْطَلَقَ فَلَبِثَثُ مَلِيَّاً ثُمَّ قَالَ لِي يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنْ السَّائِلِ قُلْتُ
 اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّهُ جِبْرِيلٌ أَنَا كُمْ يُعْلَمُكُمْ دِينَكُمْ

Maksudnya: Dari Sayyidina Umar al-Khattab RA berkata: Ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang memakai pakaian yang sangat putih, berambut sangat hitam, yang tidak ternampak pada dirinya kesan-kesan tanda musafir dan tidak seorangpun dalam kalangan kami yang mengenalinya. Lalu dia duduk menghampiri Nabi SAW lalu disandarkan kedua-dua lututnya ke lutut Baginda dan meletakkan dua tapak tangannya atas dua paha Baginda seraya berkata: Wahai Muhammad! Terangkan kepadaku tentang Islam. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Islam itu bahawa engkau naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu utusan Allah, (dan bahawa) engkau mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan haji ke Baitullah (Mekah) sekiranya engkau berkuasa mengerjakannya. Lelaki tersebut berkata: Benarlah engkau. Maka kami pun merasa hairan kepadanya, dia yang bertanya dia pula yang membenarkannya. Dia bertanya: Terangkan kepadaku tentang Iman. Baginda bersabda: (Iman itu ialah) bahawa engkau percaya kepada Allah, para MalaikatNya, kitab-kitabNya, para RasulNya, Hari

Kiamat dan bahawa engkau percaya kepada Qadar baik dan buruk. Lelaki itu berkata: Benarlah engkau. Dia berkata lagi: Terangkanlah kepadaku tentang Ihsan. Baginda bersabda: Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya Dia melihatmu. Lelaki itu bertanya lagi: Terangkan kepadaku tentang Kiamat. Baginda bersabda: Orang yang ditanya tentang Kiamat tidaklah lebih mengetahui daripada orang yang bertanya. Lelaki itu berkata: Maka terangkanlah kepadaku tentang tanda-tandanya. Baginda bersabda: (Antara tanda-tandanya ialah) apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan apabila engkau melihat orang-orang miskin yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan papa kedana yang hanya menjadi pengembala kamibng berlumba-lumba membina bangunan (iaitu bertukar menjadi kaya raya). Kemudian lelaki itu berlalu, lalu aku terdiam sebentar. Kemudian Baginda bertanya: Wahai 'Umar! Adakah engkau tahu siapa lelaki yang bertanya itu? Aku berkata: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Baginda bersabda: Sesungguhnya dia adalah Malaikat Jibril yang datang kepada kamu untuk mengajar kamu tentang agama kamu.

3.1 Kandungan Hadis dan Pengajaran Daripada Hadis Iman, Islam, dan Ihsan.

1. Pakaian Kemas dan Eloknya Perwatakan.

Digalakkan memakai pakaian yang bersih, menggunakan wangi-wangian atau bau-bauan yang harum untuk memasuki masjid, menghadiri majlis-majlis ilmu, beradab ketika berada di majlis tersebut dan beradab dengan alim ulama. Datangnya Jibril adalah untuk mengajar manusia melalui keadaan dan kata-katanya.

2. Maksud Islam

Islam dari segi bahasa ialah tunduk dan menyerah kepada Alah SWT. Dari segi syarak pula ialah agama yang dibina di atas lima asas iaitu: Syahadah (penyaksian) bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT dan bahwasanya Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat lima waktu dengan rukun dan syarat yang sempurna serta menjaga sunat dan adabnya, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menuaikan haji sekali seumur hidup bagi sesiapa yang berkemampuan dan memiliki keperluan untuk bermusafir seperti bekalan, kenderaan dan belanja nafkah ahli keluarganya.

3. Maksud Iman

Iman dari segi bahasa ialah membenarkan dan dari segi syarak ialah: keyakinan yang tidak berbelah bagi terhadap kewujudan Allah SWT yang Maha Pencipta dan bahwasanya Allah SWT itu Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya.

Begitu juga membenarkan kewujudan makhluk Allah SWT iaitu para malaikat-Nya dan mereka adalah hamba-hambaNya yang dimuliakan. Mereka tidak makan dan bersifat dengan sifat lelaki mahupun perempuan serta tidak berketurunan. Tidak seorangpun yang mengetahui bilangan mereka kecuali Allah SWT.

Membenarkan kitab-kitab samawiyah yang turun dari sisi Allah SWT. Kitab-kitab ini adalah syariat Allah SWT sebelum ia diselewengkan dan diubah oleh tangan-tangan manusia.

Membenarkan para Rasul yang telah dipilih Allah SWT untuk memberi petunjuk kepada makhlukNya dan Allah SWT menurunkan kepada mereka kitab-kitab samawiah. Juga beriktiqad bahawa para Rasul itu adalah manusia yang maksum (terpelihara dari dosa).

Mbenarkan hari kiamat, iaitu hari Allah SWT membangkitkan manusia dari kubur dan menghisab amalan-amalan serta memberi balasan kepada mereka. Jika baik, maka baiklah balasannya dan jika buruk, maka buruklah balasannya.

Mbenarkan bahawa semua perkara yang berlaku di atas muka bumi ini adalah dengan takdir Allah SWT dan kehendak-Nya berdasarkan ilmu yang hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja.

4. Islam dan Iman

Daripada penjelasan yang lepas, kita dapat mengetahui bahawa Islam dan iman adalah dua hakikat yang berbeza dan sudut bahasa dan syarak. Ia adalah berpunca daripada nama-nama yang berbeza. Walau bagaimanapun syarak telah memperluaskan penggunaannya. Oleh itu apabila disebut salah satu daripadanya, maka dia juga memberi makna kepada yang satu lagi. Iman tidak diiktibar (dikira) tanpa Islam sepertimana Islam juga tidak diiktibar tanpa iman kerana kedua-duanya saling memerlukan. Oleh itu, mesti beriman dengan hati dan beramal dengan anggota tubuh badan.

5. Konsep Ihsan

Ihsan ialah bagaimana seseorang hamba melaksanakan ibadatnya kepada Allah SWT dan disertai dengan penuh ketekunan (keikhlasan) iaitu seolah-olah anda melihat Allah SWT ketika melakukan ibadat khususnya solat. Sekiranya kamu tidak mampu mencapai tahap tersebut, maka ingatlah bahawa Allah SWT melihat kamu dan perbuatan kamu sama ada kecil maupun besar.

6. Kiamat dan Tanda-tandanya

Ilmu tentang masa berlakunya kiamat adalah di antara perkara yang hanya diketahui oleh Allah SWT dan Dia tidak memberitahu kepada sesiapapun dari kalangan hambaNya, sama ada malaikat ataupun Rasul. Oleh

kerana itulah Rasulullah SAW menjawab soalan Jibril dengan sabdanya yang bermaksud: "Tidaklah orang ditanya mengenainya (kiamat) lebih mengetahui daripada orang bertanya." Tetapi baginda SAW menjawab bila ditanya tentang sebahagian tanda yang menunjukkan peri dekatnya hari kiamat:

- a) Berlakunya kerosakan di zaman tersebut, rosaknya akhlak di mana ramai anak-anak durhaka dan menyanggahi orang tua mereka, lalu mereka bermuamalah (bergaul) dengan orang tua mereka seperti muamalah tuan terhadap hambanya.
- b) Terbalik dan bercampur-baurnya urusan sehingga sehina-hina manusia menjadi raja dan pemimpin. Urusan-urusan diserahkan kepada bukan ahlinya. Harta bertambah banyak di tangan manusia, bertambah kemewahan dan pemberoran. Manusia bermegah-megah dengan bangunan yang tinggi, harta (perhiasan) dan perabut-perabut yang banyak, serta merasa bongkak terhadap makhluk. Mereka yang sebelum ini berada dalam kemiskinan dan kesengsaraan, hidup di atas ihsan orang lain seperti orang-orang arab badwi, pengembala dan seumpamanya, ketika itu menjadi penguasa dan pentadbir.

BAHAGIAN 4

BERSUCI

4. BERSUCI

Bersuci atau taharah (طهارة) dalam bahasa Arab bermakna *an-nazafah* (النظافة), iaitu kebersihan. Namun yang dimaksudkan di sini bukan semata-mata kebersihan. Taharah dalam istilah para ahli fiqh adalah:

(عبارة عن غسل أعضاء مخصوصة بصفة مخصوصة)

Bermaksud: mencuci anggota tubuh tertentu dengan cara tertentu.

(رفع الحدث و إزالة النجس)

Bermaksud: mengangkat hadas dan menghilangkan najis.

Kepentingan Bersuci

Taharah menduduki masalah penting dalam Islam. Boleh dikatakan bahawa tanpa adanya taharah, ibadah kita kepada Allah SWT tidak akan diterima. Sebab beberapa ibadah utama mensyaratkan taharah secara mutlak. Tanpa taharah, ibadah tidak sah. Bila ibadah tidak sah, maka ibadah tersebut tidak akan diterima oleh Allah SWT.

1) Islam Adalah Agama Kebersihan

Sesungguhnya Islam memberikan penekanan kepada dua kesucian iaitu fizikal (luaran) dan rohani (dalaman) dan ini merupakan bukti kukuh bahawa Islam mementingkan kesucian dan kebersihan.

2) Islam Memberi Perhatian Terhadap Pencegahan Penyakit

Termasuk juga bentuk perhatian serius atas masalah kesihatan. Serta pembentukan fizikal yang terbaik dan penampilan yang terindah. Perhatian ini juga merupakan isyarat kepada masyarakat supaya sentiasa mencegah tersebarnya penyakit, kemalasan dan kekotoran.

Sesungguhnya bersuci, wuduk dan mandi itu secara fizikal terbukti boleh menyegarkan tubuh dan membersihkan diri dari segala kuman penyakit yang setiap masa boleh menyerang tubuh badan manusia. Dalam bidang kedoktoran ia terbukti bahawa usaha yang paling efektif untuk mencegah penyakit adalah dengan menjaga kebersihan.

3) Orang yang Menjaga Kebersihan Dipuji Allah SWT.

Allah SWT telah memuji orang-orang yang selalu menjaga kebersihan di dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 222:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَبَّينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang taubat dan orang-orang yang membersihkan diri. (222)

4) Kebersihan Sebahagian Daripada Iman

Rasulullah SAW telah bersabda bahawa urusan kebersihan itu sangat berkait dengan nilai dan darjah keimanan

seseorang. Bila urusan kebersihan ini baik, maka imannya pun baik. Jika sebaliknya, apabila masalah kebersihan ini tidak diberikan perhatian, maka kualiti iman dan amalnya mempunyai masalah. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (223)

الظَّهُورُ شَرْطٌ لِِإِيمَانٍ

Maksudnya: Kebersihan itu sebahagian daripada iman.

5) Kebersihan Merupakan Syarat kepada Ibadah

Selain menjadi bahagian penting dalam keimanan seseorang. Masalah kebersihan berkait rapat dengan sah atau batal ibadahnya seseorang. Tanpa adanya kebersihan, maka seberapa bagus dan banyaknya ibadah seseorang akan menjadi amalan yang tidak bermakna kerana tidak diasaskan dengan kebersihan sama ada zahir dan batin.

BAHAGIAN 5

AIR DAN JENIS-JENISNYA

5. AIR DAN JENIS-JENISNYA

Air adalah satu benda yang sangat istimewa dan mempunyai kedudukan khusus, iaitu menjadi medium utama untuk melakukan ibadah. Air berfungsi untuk menghilangkan najis sekaligus juga berfungsi sebagai alat untuk menghilangkan hadas.

Meskipun benda lain juga boleh dijadikan alat bersuci, namun air adalah medium yang utama. Sebagai contoh menggunakan batu atau kertas sebagai alat bersuci. Batu dan kertas memang dapat berfungsi untuk menghilangkan najis tetapi air lebih utama dan lebih baik. Satu lagi, najis berat seperti jilatan anjing disucikan dengan air 7 kali, tanah hanya sekali sahaja. Tanah memang boleh digunakan untuk bertayamum namun selama masih ada air, tayamum tidak boleh dikerjakan kecuali ada yang menghalang untuk melakukannya.

Para ulama telah membahagikan air ini mengikut keadaan, dan hukumnya bagi digunakan untuk bersuci. Kebanyakan yang kita dapat di dalam kitab fiqh, mereka membahagikan kepada empat jenis, iaitu :

1. Air bersih lagi menyucikan (mutlak)
2. Air bersih tetapi tidak boleh menyucikan (mustakmal)
3. Air yang bercampur dengan benda yang najis (mutanajjis)
4. Air yang terkena jemuran Matahari (*musyammas*)

5.1 Air Mutlak

Air yang belum mengalami proses apapun. Jenis air ini masih asli, dalam erti kata belum digunakan untuk bersuci, tidak bercampur dengan benda suci ataupun benda najis.

Air mutlaq ini hukumnya suci dan sah untuk digunakan bersuci, iaitu untuk berwuduk dan mandi wajib. Antara contoh air ini ialah air hujan, salji, embun, air laut, air zam-zam, air mata air, air sungai.

5.2 Air Mustakmal

Jenis yang kedua adalah air yang telah digunakan untuk bersuci. Baik air yang menitis dari sisa bekas wuduk dari tubuh seseorang, atau sisa dari air bekas mandi wajib. Justeru, air mustakmal bermaksud air yang telah digunakan untuk melakukan taharah, iaitu berwuduk atau mandi wajib.

5.3 Air Mutanajjis

Air Mutanajjis ertinya adalah air yang bercampur dengan benda najis. Air yang bercampur dengan benda najis itu boleh memiliki dua kemungkinan hukum, boleh menjadi najis atau boleh jadi sebaliknya iaitu air tidak menjadi najis. Ianya bergantung sama ada air itu mengalami perubahan sifat atau tidak setelah bercampur dengan benda najis. Sebagai contoh, jika air yang kuantitinya yang sedikit seperti air di dalam kolam mandi, secara logiknya bila terdapat di dalamnya bangkai anjing, kita akan mengatakan bahawa air itu menjadi *mutanajjis* kerana air itu sudah tercemar dengan benda najis yang besar dan jumlah air yang sikit menyebabkan sifat air seperti bau, warna dan rasa berubah.

5.4 Air Musyammas

Air yang suci lagi menyucikan tetapi makruh digunakan iaitu air yang terjemur di bawah kepanasan matahari.

Dihukum makruh apabila memenuhi tiga syarat berikut:

- 1) Ia berlaku di negeri yang panas.

- 2) Ia diletakkan di dalam bekas yang ditempa daripada selain emas dan perak seperti besi, tembaga dan semua galian yang boleh di tempa (berkarat).
- 3) Ia digunakan pada badan. Sama ada digunakan pada diri sendiri atau orang lain, atau pada haiwan kerana kemudaratannya boleh menyebabkan penyakit sopak.
- 4) Contoh air musyammas itu kita gunakan pada orang lain dan haiwan:
 - i. Digunakan pada badan mayat, iaitu ketika memandikan jenazah.
 - ii. Digunakan pada haiwan seperti memandikan kucing atau kuda.

BAHAGIAN 6

NAJIS DAN JENIS-JENISNYA

6. NAJIS DAN JENIS-JENISNYA

Najis membawa maksud kotoran, suatu kotoran yang menghalangi untuk solat dan ibadat yang lain seperti membaca al-Quran. Terdapat jenis najis dalam mazhab asy-Syaf'i iaitu dibezakan berdasarkan kesulitan dalam menyucikan atau menghilangkan najis tersebut. Terdapat beberapa jenis najis, antaranya ialah:

6.1 Najis Ringan (Mukhaffafah)

Najis ringan sering juga diistilahkan dengan mukhaffafah. Disebut ringan, kerana cara menyucikannya sangat ringan, iaitu tidak perlu najis itu sampai hilang. Cukup dilakukan dengan memercikkan Kawasan terkena itu dengan air.

Satu-satunya najis ini adalah air kencing bayi laki-laki yang masih belum makan makanan kecuali air susu ibu sahaja. Bila bayi itu perempuan, maka air kencingnya tidak termasuk ke dalam najis ringan, tetapi dianggap najis seperti najis pertengahan. Demikian juga bila bayi laki-laki itu sudah pernah makan makanan selain susu ibu, seperti susu formula, maka air kencingnya sudah tidak lagi dikatakan najis ringan.

6.2 Najis Pertengahan (Mutawassitah)

Najis pertengahan ini sering disebut dengan mutawassitah. Disebut pertengahan kerana keadaannya yang berada di tengah-tengah antara najis ringan dan najis berat. Untuk menyucikan najis ini cukup dihilangkan secara fizikal 'ain

najisnya. Penentuan najisnya sudah hilang adalah warna, rasa dan bau.

Semua najis yang tidak termasuk ke dalam najis berat atau ringan adalah termasuk ke dalam najis pertengahan ini. Contohnya, darah, nanah, muntah, tahi, bangkai dan sebagainya.

6.3 Najis Berat (Mughallazah)

Najis berat sering diistilahkan sebagai najis mughallazah. Disebut najis yang berat kerana tidak boleh disucikan begitu sahaja dengan mencuci dan menghilangkannya secara fizikal tetapi hendaklah melakukan beberapa proses.

Caranya adalah mencuci dengan air sebanyak tujuh kali dan salah satunya dengan tanah. Inilah cara menghilangkan najis jenis ini mengikut syariat yang terdapat dalam ajaran Islam. Antara contoh jenis najis ini adalah babi dan anjing.

BAHAGIAN 7

HADAS

7. HADAS

Hadas ialah kotoran secara zahir yang terdapat pada diri yang menghalang seseorang mengerjakan ibadah dan menegah sahnya ibadah dan disyaratkan kepadanya untuk bersuci seperti ibadah solat, tawaf dan sebagainya. Orang berhadas tidak bersih di sisi Allah SWT walaupun nampak di sisi manusia kelihatan bersih. Kerana itu, orang yang berhadas wajib menyucikan dirinya mengikut cara yang ditetapkan syarak sebelum melakukan sebarang ibadah atau mengadap Allah SWT. Cara menyucikan hadas yang ditetapkan oleh syarak ada tiga, iaitu;

- 1) Wuduk untuk menyucikan hadas kecil.
- 2) Mandi untuk menyucikan hadas besar.
- 3) Tayammum gantian kepada wuduk atau mandi.

7.1 Sebab-sebab Hadas Besar

- 1) Kerana berjunub, iaitu kerana bersetubuh dengan pasangan (suami atau isteri) sama ada keluar air mani atau tidak ketika persetubuhan itu. Keluar air mani dari kemaluuan sama ada dengan sengaja (seperti mengeluarkan dengan tangan atau berkhayal) atau tidak sengaja (seperti bermimpi). Orang yang keluar air mani dari kemaluannya ia dianggap berjunub dan wajib mandi.
- 2) Kerana kedatangan haid dan nifas. Wanita yang kedatangan haid dan nifas adalah berhadas besar dan wajib mandi apabila kering darahnya sebelum ia diharuskan menunaikan solat dan bersetubuh dengan suaminya.

7.2 Sebab-sebab Hadas Kecil

Hadas kecil terjadi apabila seseorang itu terbatal wuduknya. Sebab-sebab yang membatalkan wuduk ialah;

Contoh:

- 1) Keluar sesuatu dari kemaluan.
- 2) Tidur yang nyenyak dan tidak tetap kedudukannya.
- 3) Hilang akal.
- 4) Bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
- 5) Menyentuh zakar atau faraj.

Tegahan-tegahan Syarak ke Atas Orang Berhadas

- 1) Mengerjakan solat.
- 2) Mengerjakan tawaf.
- 3) Menyentuh mushaf al-Quran dan membawanya.

BAHAGIAN 8

SOLAT

8. SOLAT

Solat ertinya doa sepetimana yang terkandung di dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah (9) ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُرَكِّيْهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ
إِنَّ صَلَوةَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

ۖ

Maksudnya: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan meyucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.(103)

Menurut istilah pula, solat ialah suatu ibadat yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang tertentu, dimulakan dengan 'takbiratul ihram' dan disudahi dengan mengucap salam.

- Yang dimaksudkan dengan 'perkataan': Takbir, membaca al-Quran, tasbih, doa dan lainnya.
- Yang dimaksudkan dengan 'perbuatan': Berdiri (*qiyam*), rukuk, sujud, duduk (di antara dua sujud dan tahiyyat) dan lainnya.

8.1 Hikmah Solat

Solat yang telah diwajibkan mengandungi beberapa hikmah, antaranya ialah:

- 1) Seorang hamba menzahirkan ‘ubudiyah (perhambaan) kepada Allah SWT. Sesungguhnya dia adalah milik Allah SWT. Dengan menunaikan solat seseorang insan menunjukkan ‘ubudiyah dan terasa dirinya sentiasa terikat dengan Penciptanya Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi.
- 2) Solat menjadikan seseorang itu kuat hubungannya dengan Allah SWT dan menjadikan dirinya sentiasa mengingati Allah SWT.
- 3) Solat yang sebenar mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Solat juga merupakan salah satu sebab yang boleh membersihkan seseorang hamba daripada dosa dan kesalahan.
- 4) Solat membuatkan hati menjadi tenang dan jiwa rasa lebih bahagia.

8.2 Syarat-syarat Sah Solat

Antara syarat sah solat adalah:

- 1) Islam
- 2) Berakal
- 3) Tamyiz iaitu dapat membezakan antara perkara bersih dan kotor
- 4) Masuk waktu
- 5) Niat
- 6) Menghadap kiblat
- 7) Menutup aurat. Aurat lelaki: daripada pusat ke lutut. Aurat perempuan dalam solat: seluruh anggota kecuali muka dan dua tapak tangan.

- 8) Menghilangkan segala kotoran daripada pakaian, tubuh badan, tempat menunaikan solat.
- 9) Suci daripada hadas kecil iaitu dengan berwuduk dan suci daripada hadas besar dengan mandi junub.

8.3 Rukun Solat

Antara rukun solat ialah:

- 1) Niat.
- 2) Takbiratul Ihram (takbir ketika memulakan solat).
- 3) Berdiri tegak bagi orang yang mampu.
- 4) Membaca al-Fatihah.
- 5) Rukuk.
- 6) Bangun daripada rukuk (i'tidal).
- 7) Sujud di atas tujuh anggota.
- 8) Duduk di antara dua sujud.
- 9) Tahiyat akhir.
- 10) Duduk tahiyat akhir.
- 11) Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.
- 12) Salam pertama.
- 13) Tertib.

8.4 Perkara yang Membatalkan Solat

Antara perkara yang membatalkan solat ialah:

- 1) Makan atau minum secara sengaja, kerana telah ijma' para ulama' iaitu sesiapa yang makan atau minum dengan sengaja, wajib ke atasnya mengulangi solat.
- 2) Bercakap dengan sengaja bukan kerana kepentingan solat.
- 3) Melakukan gerakan yang banyak dengan sengaja. Untuk mengetahui kadar gerakan yang banyak ialah perbuatan yang sekiranya dipandang kepada seseorang itu, si pemandang merasakan seolah-olah dia bukan sedang mengerjakan solat.

- 4) Meninggalkan rukun atau syarat solat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran seperti bersolat dengan tidak berwuduk atau tidak menghadap ke arah kiblat.
- 5) Ketawa di dalam solat.
- 6) Segala perkara yang membatalkan wuduk.
- 7) Murtad, iaitu keluar daripada Islam.

8.5 Bacaan Surah Al-Fatiyah dalam Solat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ
 الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ
 أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٥﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
 الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٦﴾

*Bismillāhir rahmānir rahīm (1)Alhamdulillāhi robbil 'ālamīn (2)
 Arrahmānir rahīm (2) Mäliki yawmid dīn (3) Iyyāka na'budu
 wa iyyāka nastā'īn (4) Ihdinash shirāthal mustaqīm (5)
 Sirāthal ladzīna an'amta 'alayhim ghoiril maghdhubi alayhim
 waladhdhāl līn.(7)*

Maksudnya:

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (1) Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2) Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (3) Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). (4) Engkau lah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkau lah sahaja kami memohon pertolongan. (5) Tunjukilah kami jalan yang lurus. (6) Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat. (7)

8.6 Bacaan Tahiyat Akhir dalam Solat

الْتَّحِيَاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ ، أَشْهُدُ أَنَّ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ
، وَعَلَىٰ آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَعَلَىٰ آلِ إِبْرَاهِيمَ ،
اللَّهُمَّ بارِكْ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ ، وَعَلَىٰ آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ
، وَعَلَىٰ آلِ إِبْرَاهِيمَ ، إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ

Maksudnya: Segala penghormatan yang berkat solat yang baik adalah untuk Allah. Sejahtera atas engkau wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatannya. Sejahtera ke atas kami dan atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawasanya Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Ya Tuhan kami, selawatkanlah ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya. Sebagaimana Engkau selawatkan ke atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim. Berkatilah ke atas Muhammad dan atas keluarganya sebagaimana Engkau berkati ke atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim di dalam alam ini. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung.

RUJUKAN

- Abdul Basit Bin Abdul Rahman. (1424H). Rukun Islam. Madinah: Jabatan Kajian Ilmiah Universiti Islam Madinah.
- Ahmad Sarwat. (2009). Fiqh Thaharah. Indonesia: DU Center.
- Ahmad Subhan, et. al. (2010). Makalah Fiqih Shalat. Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah.
- Eko Haryanto Abu Ziyad. (2010). Fiqih Level 1. Indonesia: Divisi Dakwah Kantor Dakwah Rabwah.
- Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). Indahnya Hidup Bersyariat. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Sulaiman Endut. (2015). Asas-Asas Fardhu Ain. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

PENGAJIAN ISLAM

TAHAP PRA ASAS

ISBN 978-967-25609-0-6



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) 2021